

25 JUL 2001

Mahkamah-Anwar

ANWAR FAIL PETISYEN RAYUAN TERHADAP KEPUTUSAN PERBICARAAN LIWAT

KUALA LUMPUR, 25 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini memfailkan petisyen rayuan terhadap sabit kesalahan dan hukuman penjara sembilan tahun yang dijatuhkan oleh Mahkamah Tinggi terhadapnya atas kesalahan liwat.

Petisyen itu, yang mengandungi 24 alasan, difailkan oleh Messrs S.N.Nair and Partners di pejabat pendaftar Mahkamah Rayuan di sini kira-kira pukul 10.30 pagi.

Anwar merayu terhadap keputusan Hakim Datuk Arifin Jaka bertarikh 8 Ogos tahun lepas yang mendapati beliau bersalah meliwat bekas pemandu keluarganya, Azizan Abu Bakar, di apartmen adik angkatnya di Tivoli Villa, Bangsar, pada 7.45 petang antara Januari dan Mac 1993.

Adik angkat Anwar, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja, 39, seorang peniaga, yang dibicarakan bersama-sama dengannya, dihukum penjara enam tahun dengan empat sebatan.

Hakim itu bagaimanapun tidak mengenakan hukuman sebat terhadap Anwar, 53, kerana hukuman itu terhad kepada mereka yang berumur 49 tahun ke bawah.

Petisyen itu menyatakan, antara lain bahawa Arifin telah silap daripada segi undang-undang dan fakta dengan memanggil Anwar untuk membela diri pada akhir kes pendakwaan apabila pihak pendakwa telah gagal mengadakan keterangan utama yang diperlukan untuk menyokong tuduhan liwat.

Anwar mendakwa hakim telah silap daripada segi undang-undang dan fakta apabila membuat kesimpulan bahawa Azizan adalah saksi yang berwibawa, boleh diharap dan boleh dipercayai walaupun terdapat banyak keterangan yang menunjukkan keadaan sebaliknya.

Beliau juga mendakwa beliau tidak diberikan kesempatan yang adil dan sewajarnya untuk mencabar selanjutnya keterangan saksi-saksi pendakwaan selepas hakim itu menolak permohonannya untuk memanggil Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai saksi pada perbicaraan liwat itu.

Anwar juga memfailkan satu lagi petisyen rayuan terhadap keputusan Arifin yang menolak permohonannya untuk mengetepikan tuduhan liwat itu.

Beliau mendakwa hakim silap daripada segi undang-undang dan fakta apabila Arifin dengan begitu sahaja menolak afidavit Anwar yang membayangkan beberapa tindakan berniat jahat, tanpa mendengar permohonan itu.

Sementara itu, peguam Sukma, Gobind Singh Deo, berkata Sukma akan memfailkan petisyen yang serupa terhadap sabit kesalahan dan hukuman terhadapnya atas kesalahan liwat, esok.

-- BERNAMA

PK SBB AHH JK NMO